

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Wajibkan murid jalani saringan kesihatan mental

Ujian DASS bantu sekolah kenal pasti masalah lebih awal elak jadi makin serius

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) disaran mewajibkan ujian saringan kesihatan mental dalam kalangan murid di sekolah sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Fauziah Mohd Saad, berkata ia penting untuk mengenal pasti lebih awal sekiranya ada kalangan murid yang mempunyai masalah dalam aspek itu.

Beliau berkata, saringan itu boleh dilakukan menggunakan Ujian Skala Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan (DASS).

"Apabila masalah itu dapat dikenal pasti pada peringkat awal, kaedah intervensi boleh dilaksanakan lebih mudah, berbanding selepas keadaan mental pelajar sudah di tahap serius.

"Dengan adanya ujian sari-

ngan, mana-mana murid yang dikenal pasti mempunyai masalah boleh terus dihantar untuk kaunseling bagi tindakan selanjutnya," katanya mengulas laporan Kertas Putih Kesihatan dibentangkan di Dewan Rakyat kelmarin mengenai peningkatan hampir tiga kali ganda kes kesihatan mental dalam kalangan penduduk berusia 16 tahun ke atas.

Tingkat kesedaran

Dr Fauziah mengakui di sekolah sudah ada kaunselor cuma kesedaran dalam menggunakan perkhidmatan itu mungkin perlu dipertingkatkan.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa ketika membentangkan Kertas Putih Kesihatan memaklumkan rekod peningkatan daripada 11 peratus

pada 1996 kepada 29 peratus pada 2015 menunjukkan masalah kesihatan mental bagi penduduk berusia 16 tahun ke atas semakin melarat.

Selain itu, 12 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 15 tahun didapati mengalami masalah kesihatan mental pada 2015.

Pada masa sama, Dr Fauziah berkata, kewujudan kumpulan sokongan yang baik dalam kalangan guru dan kaunselor juga penting dalam meredakan masalah berkaitan mental dihadapi kanak-kanak seperti tekanan dan kemurungan.

"Pelbagai perkara boleh menyumbang masalah mental dalam kalangan kanak-kanak iaitu persekitaran, pengaruh gajet hingga menyebabkan ketagihan, masalah ekonomi, peperiksaan dan rakan seusia," katanya.

Kewujudan kumpulan sokongan yang baik dalam kalangan guru dan kaunselor juga penting dalam meredakan masalah berkaitan mental dihadapi kanak-kanak seperti tekanan dan kemurungan



Fauziah Mohd Saad,
Pakar Psikologi dan Kaunseling UPSI

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

JPA diminta beri jawapan jelas status doktor kontrak

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diminta memberikan jawapan jelas berhubung kedudukan doktor yang masih dalam status kontrak, sama ada mereka boleh mendapat kenaikan pangkat ke status UD47 dalam masa terdekat.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Muruga Raj Rajathurai, berkata status quo kini adalah tidak adil buat mereka kerana bagi setiap pembaharuan kontrak, pegawai perubatan ini kekal pada gred UD43 dengan tangga gaji dan kenaikan yang tidak berubah.

"Ia sekali gus tidak mengambil kira pengalaman dan tahun perkhidmatan mereka dalam kerajaan walaupun sesetengahnya mempunyai perkhidmatan melebihi lima hingga enam tahun berdasarkan kepakaran yang ada."

"JPA juga perlu mengambil kira pegawai perubatan kontrak yang melengkapkan peperiksaan dan memasuki fasa pewartaan kepakaran mereka."

"Laluan yang jelas untuk menyeronokkan doktor ini ke dalam perkhidmatan tetap sebagai pakar mesti diumumkan kerana kebanyakan doktor ini mempunyai pengalaman," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Pada masa sama, Dr Muruga berkata, bagi pegawai perubatan yang mendapat status tetap, JPA mesti mempertimbangkan tempoh perkhidmatan mereka sejak menjadi pegawai perubatan kontrak bagi kenaikan pangkat dan bukan menetapkan semula sebagai kakitangan baharu UD43.

Beliau berkata, kriteria pemilihan yang lebih telus dan adil perlu dilakukan untuk pegawai perubatan tetap.

"Kami juga sudah merangka kriteria pemilihan berdasarkan maklum balas ahli kami dan frateriti perubatan, namun tiada maklum balas daripada Kementerian Kesihatan (KKM) menyelesaikan isu penempatan eHouseman (eHO) pegawai perubatan yang didakwa mempunyai beberapa isu khususnya membabitkan perpindahan."

"Doktor mengalami kesukaran mengakses portal eHO, dengan kelewatan sistem menjejaskan proses permohonan."

"Pemilihan penempatan dijalankan secara 'siapa cepat dia dapat' dengan doktor dibahagikan beberapa fasa pemilihan."

"Tidak semua pilihan negeri dan kemudahan perubatan disediakan dalam setiap fasa pemilihan membawa kepada sistem yang tidak adil dan sebahagiannya berasaskan nasib," katanya.

Kod pakaian jururawat ikut peraturan, garis panduan

MNU dakwa kes terencil, ketat kerana kakitangan alami kenaikan berat badan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesatuan Jururawat Malaya (MNU) menyifatkan isu pakaian jururawat yang didakwa ketat hanyalah kes terencil, membabitkan segelintir kakitangan yang berkemungkinan mengenakannya ekoran berdepan kenaikan berat badan.

Bagaimanapun, kesatuan berpandangan ia bukan sesuatu

yang disengajakan.

Presidennya, Nor Hayati Abd Rashid, berkata ini kerana penetapan kod pakaian jururawat yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam dibuat berdasarkan garis panduan dan konsultasi yang ketat sebelum ia diluluskan.

Malah beliau berkata, kod pakaian yang ditambah baik sejak penghujung 1980-an itu lebih 'tertutup' dengan menggunakan seluar panjang berbanding skirt sebelum itu.

"Sebenarnya uniform ini sudah mengikut peraturan ditetapkan, ada garis panduan tidak boleh ketat dan sebagainya."

"Soal pakaian ketat itu lebih kepada individu dan sebenarnya

adalah menjadi tugas jururawat itu sendiri sedar, sekiranya uniform itu dirasa sudah ketat supaya menepah yang baharu," katanya kepada BH, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Parlimen Kuantan dari Perikatan Nasional, Wan Razali Wan Nor, yang mempersoalkan etika pemakaian jururawat wanita di klinik dan hospital kerajaan yang didakwa ketat dan tidak patuh syariah di ketika peredaran Dewan Rakyat semalam.

Etika berpakaian sesuai

Wan Razali mendakwa ramai jururawat wanita yang berkhidmat di fasiliti kesihatan kerajaan berpakaian ketat mengikut acuan

Barat hingga menampakkan bentuk badan dan tidak selari dengan tuntutan Islam.

Wan Razali turut menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) meneliti semula etika pemakaian jururawat wanita, termasuk mempertimbangkan keperluan memberi kelonggaran kepada pihak klinik dan hospital menentukan etika berpakaian yang sesuai.

Pada masa sama, Nor Hayati berkata, kebiasaannya ketua jururawat atau penyelia akan menasihatkan kakitangan masing-masing sekiranya mendapati mereka tidak mematuhi standard pemakaian dibenarkan KKM.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, MNU turut mengalu-alukan sekiranya wujudnya cadangan untuk memperhalusi penambahbaikan kod pakaian jururawat di sektor awam di negara ini.



Nor Hayati Abd Rashid

Tambah 243 petugas tingkat operasi HSA, HSI

Johor Bahru: Kecekapan pengoperasian wad di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, dapat ditingkatkan susulan penambahan 243 petugas kesihatan secara berperingkat yang dilaksanakan Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, berkata pertambahan itu membabitkan pegawai perubatan dan jururawat di kedua-dua hospital itu termasuk di dua wad HSI yang mula beroperasi selepas ditutup susulan pandemik COVID-19.

Beliau berkata, langkah ini dapat meringankan beban kakitangan sedia ada di dua hospital terbabit.

"Saya nak maklumkan Wad 9A dan 10A di HSI yang ditutup sejak tahun lalu, sudah kembali dibuka pada Rabu lalu."

"Bagi staf daripada KKM, pertambahan 33 orang untuk minggu ini dan akan ada tambahan 60 orang lagi pada bulan depan untuk HSI, manakala seramai 150 orang pula untuk HSA."

"Dengan penambahan tenaga kerja ini, ia akan meringankan beban staf sedia ada dan menambatkan kecekapan di wad terbabit," katanya selepas meninjau pengoperasian HSI di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon, Pengarah Kesihatan Johor, Dr Mohhtar Pungut @ Ahmad dan



Onn Hafiz diiringi Tian Soon (empat dari kiri), Dr Zuraini dan Dr Mohhtar melawat wad 9A yang kembali beroperasi di HSI, Johor Bahru, semalam. (Foto Izz Laili Hussein/BH)

Pengarah HSI, Dr Zuraini Zainal. Pada masa sama, Onn Hafiz turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada pucuk pimpinan peringkat Persekutuan terutama Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang meluluskan penambahan petugas kesihatan di negeri ini.

Tambah baik perkhidmatan

Beliau berkata, dalam usaha menambah baik perkhidmatan HSI,

kerajaan negeri turut menyediakan peruntukan RM500,000 bagi penambahan parkir kendaraan awam, selain RM100,000 untuk pembelian peralatan termasuk kerusi dan meja demi kesesuaian petugas kesihatan serta pesakit.

Katanya, Dr Zaliha dijadualkan melawat hospital di negeri ini esok dan antara perkara akan dibincangkan termasuk berkaitan projek pembinaan HSA 2.

"Kita harap perkara ini dapat

diselesaikan segera kerana Johor menjadi pusat bukan saja untuk pesakit dari negeri ini, malah dari seluruh negara termasuk Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka.

"Ini adalah gabungan kerjasama yang baik antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Saya percaya dengan kepeimpinan peringkat negeri dan kerjasama peringkat Persekutuan, apa yang kita hasratkan ini boleh tercapai," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! SABTU 17 JUN 2023



ONN HAFIZ (tengah) melakukan lawatan bagi meninjau pengoperasian semula wad 9A dan 10A Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru semalam.

Wad ditutup kerana kurang staf dibuka semula **243 petugas baharu** **di HSA, HSI bulan ini**

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Kesesakan akibat jumlah pesakit ramai di Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini dijangka akan berkurangan dengan penambahan petugas kesihatan di kedua-dua hospital awam itu.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, HSI dan HSA bakal menerima seramai 243 petugas kesihatan pada bulan ini dan bulan depan.

Selain itu katanya, dua wad yang ditutup di HSI sebelum ini juga akan dibuka kembali ekoran penambahan petugas kesihatan di hospital berkenaan.

"Sukacita dimaklumkan wad 9A dan 10A di HSI yang ditu-

tup sejak tahun lalu telah dibuka kembali sejak kelmarin. Pembukaan semula wad itu ekoran penambahan 33 petugas minggu ini, selain itu akan ada 60 lagi penambahan petugas di hospital itu bulan depan.

"Manakala bagi HSA, seramai 150 petugas kesihatan akan ditambah dalam waktu sama. Dengan penambahan tenaga kerja ini, beban kerja petugas sedia ada akan dapat dikurangkan, sekaligus meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja ke HSI, di sini semalam.

Tambah Onn Hafiz, kerajaan Johor turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada kerajaan

Persekutuan terutamanya Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah meluluskan penambahan petugas kesihatan negeri ini.

"Bagi menambah baik perkhidmatan HSI, kerajaan negeri turut menyediakan peruntukan RM500,000 bagi penambahan parkir kenderaan awam, selain RM100,000 pula untuk pembelian peralatan termasuk kerusi dan meja demi keselesaan petugas kesihatan dan pesakit.

"Selain itu, Dr. Zaliha juga dijadual melawat hospital di negeri ini pada hari Ahad, dan kami akan bincangkan mengenai projek pembinaan HSA 2 yang amat diperlukan di Johor," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

39 kes penyakit berkaitan cuaca panas, Kelantan tertinggi

SHAH ALAM - Sebanyak 39 kes penyakit berkaitan cuaca panas dilaporkan sejak 16 April hingga 10 Jun lalu iaitu dari Minggu Epidemiologi ke-16 (ME 16/2023) hingga ME 23/2023.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, daripada jumlah itu, 23 kes adalah kelesuan haba, 11 kejang haba dan lima strok haba.

"Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 10 kes di Kelantan,

sembilan di Sabah, lapan di Sarawak dan empat di Melaka.

"Di Terengganu pula tiga kes, dua di Kedah dan masing-masing satu di Pahang, Kuala Lumpur serta Perak.

"Bagi pecahan mengikut umur pula, 25 kes dewasa, sembilan remaja, tiga kanak-kanak dan dua warga emas," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Tambahnya, tiada kes kematian baharu akibat strok haba dilaporkan ME 23/2023, sekali

gus menjadikan bilangan kumulatif kematian akibat penyakit itu kekal sebanyak satu kes sahaja iaitu yang dilaporkan pada 25 April lalu.

Sementara itu, menyentuh mengenai Monsun Barat Daya yang dijangka berlaku sehingga September ini membawa cuaca lebih kering, Dr Zaliha menasihatkan orang ramai agar mengehendkan tempoh berada di kawasan panas dan mengurangkan aktiviti fizikal lasak.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan perlu bebas KKM

SHAH ALAM - Pusat Pilihan Pengguna (CCC) menggesa proses Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang bebas pengaruh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mempunyai autonomi dalam melaksanakan tanggungjawab.

Wakilnya, Tarmizi Anwar berkata, pihak jawatankuasa perlu mengadakan sesi libat urus tambahan dengan pihak berkepentingan atau pemegang taruh yang terkesan terutamanya pengguna dan penglibatan pakar daripada pelbagai bidang.

"Hal ini penting bagi memastikan ahli-ahli jawatankuasa tersebut mampu me-

laksanakan tanggungjawab mereka tanpa sebarang konflik kepentingan daripada pihak KKM seperti yang berlaku sebelum ini," ujarnya dalam kenyataan pada Jumaat.

Tambahnya, dengan menyediakan laporan balas terhadap Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dapat memperluaskan undang-undang sedia ada bagi memasukkan vape kerana nikotin telah dikecualikan daripada Akta Racun.

"Kerajaan perlu mewujudkan undang-undang yang berbeza antara produk tembakau dengan vape atau rokok elektronik bagi mengelakkan salah faham orang ramai kerana kesan antara kedua-dua produk tersebut sangat berbeza," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Kes denggi di kawasan MBSJ catat peningkatan

SUBANG JAYA - Kes denggi di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus menunjukkan peningkatan dengan mencatat 3,511 kes bagi epid 23.

Datuk Bandar Subang Jaya, Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata, sehingga Jun lalu, kes positif denggi meningkat sebanyak 1,489 kes berbanding 2,022 kes bagi tempoh sama tahun lalu.



MOHD FAUZI

Menurutnya, MBSJ telah mempertingkatkan usaha pencegahan dengan meminta Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) mengadakan gotong-royong terutama di lokaliti bermasalah kes demam denggi.

"Setakat ini sebanyak lima MPP telah melaksanakan gotong-royong bersama penduduk sepanjang Jun.

"MPP lain dijangka melaksanakan gotong-royong tersebut dalam masa terdekat," katanya semasa Mesyuarat Penuh Bulanan MBSJ pada Jumaat.

Pada Mei lalu, kes positif denggi Epid 20 (14 Mei hingga 20 Mei 2023) dilaporkan sebanyak 2,945 berbanding 1,653 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas.

Angka tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 1,292 kes dengan 12 lokaliti *hotspot* denggi dikenal pasti di kawasan pentadbiran MBSJ memabitkan lapan daripadanya di kawasan kediaman bertingkat.

Bellau bagaimanapun berkata, peningkatan kes demam denggi bukan hanya melibatkan kawasan pentadbiran MBSJ tetapi berlaku di seluruh negara.

Justeru, katanya, masyarakat di kawasan pentadbiran MBSJ diminta untuk terus bekerjasama bagi memastikan kawasan dan persekitaran masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

"Orang awam juga dinasihatkan membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan terdapat kes denggi," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Dana halangan laksana Kertas Putih Kesihatan

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Peruntukan kewangan menjadi halangan utama untuk mencapai matlamat digariskan menerusi Kertas Putih Kesihatan dalam merefomasi sektor kesihatan awam negara ini.

Ketika ini setiap tahun kerajaan hanya membelanjakan 2.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) untuk kesihatan awam, menimbulkan persoalan bagaimana perancangan Kertas Putih boleh dilaksanakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penasihat Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, walaupun Kertas Putih Kesihatan dirangka secara komprehensif serta mengenali pasti isu cabaran masa kini dan akan datang namun perkara itu mesti mempunyai dana.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dana halangan laksana Kertas Putih Kesihatan

Dari muka 1

Menurut beliau, kualiti perkhidmatan kesihatan hanya dapat ditingkatkan sekiranya strategi dirancang menerusi Kertas Putih Kesihatan dilaksanakan sepenuhnya.

"Namun dengan bajet sekarang cuma RM20 bilion setahun untuk tambah baik fasiliti, pendigitalan kesihatan dan sumber manusia, matlamat melaksanakan Kertas Putih Kesihatan tidak cukup," kata beliau.

Menurut beliau, sebagai contoh cadangan kertas putih mahu mentransformasikan penyampaian perkhidmatan terutamanya dengan memperuntukkan lebih banyak sumber untuk kesihatan seperti pembiayaan, sumber manusia, fasiliti dan kelengkapan peralatan.

"Mungkin perlukan dua kali ganda daripada apa yang dipeperuntukkan sekarang dan tidak mungkin kerajaan boleh tingkat lebih banyak lagi dalam keadaan ekonomi semasa.

"Rancangan atas kertas memang bagus, tetapi apabila mahu laksanakan mesti guna duit. Dalam Kertas Putih pula tidak nampak lagi macam mana mahu biaya strategi dan perancangan itu, kalau mahu harapkan bajet sekarang, memang tidak boleh, jadi kena tambah," katanya.

Oleh itu, Dr. Zainal berpendapat, strategi Kertas Putih Kesihatan tidak akan mengubah sektor kesihatan jika kerajaan tidak mampu menambah bajet kepada Kementerian Kesihatan.

Kelmarin Menteri Kesihatan, sedang Dewan Rakyat terakhir



Rancangan atas kertas memang bagus, tetapi apabila mahu laksanakan mesti guna duit."

ZAINAL ARIFFIN OMAR

minggu ini meluluskan Kertas Putih Kesihatan yang dibentangkan Dr. Zaliha Mustafa. Deraf Kertas Putih Kesihatan.

Kertas Putih Kesihatan yang dimuatnaik dalam laman web kementerian menggariskan empat tonggak dan 15 strategi antara lain menyentuh kadar fi di fasiliti kesihatan awam dan kajian semula komprehensif pengambilan perjawatan petugas kesihatan termasuk berstatus kontrak serta membangunkan pakej manfaat kesihatan rakyat.

Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Dr. Azizi Ayob berkata, strategi reformasi kesihatan awam menerusi Kertas Putih Kesihatan masih 'kabur'.

"Kertas Putih ini sebenarnya satu *working document*, tetapi tidak dijelaskan apa yang akan dilakukan, tidak spesifik, tidak sebut siapa yang bertanggungjawab untuk melaksanakan... sepatutnya semua ini sudah kena ada dalam Kertas Putih Kesihatan.

"Pelan tindakan pula lebih kepada konsep sahaja... strategi langsung belum jelas. Misalnya mahu melakukan penstrukturan

semula sistem penjagaan kesihatan, tetapi apa perkara yang mahu diubah itu? Perkara itu tidak ditulis.

"Selain itu, ada strategi mahu memantapkan, tetapi memantapkan itu pernyataan, kena perincikan terutamanya adakah dari segi tempoh masa. Semua ini penting, kalau tidak bagaimana mahu katakan apa yang boleh diaspirasikan itu dicapai sekiranya tidak ada sasaran," kata beliau.

Mengulas lanjut, Dr. Azizi berkata, strategi yang tidak jelas itu juga menimbulkan persoalan bagaimana pencapaian peningkatan sektor kesihatan diukur.

"Sepatutnya kena perincikan dengan kelas dan kena ada objektif untuk setiap pelan tindakan dalam fasa itu dapat dicapai," katanya.

Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia (Perdim) mengharapkan kerjasama sektor awam dan swasta dipereratkan dengan adanya Kertas Putih berkenaan.

Presidennya, Dr. Boi Saidi Abdul Razak berkata, kerjasama dapat memberikan impak kesihatan yang besar secara holistik.

Katanya, ia selaras dengan tunggak satu iaitu mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kesihatan antara lain mengutamakan penjagaan kesihatan primer serta mempergiat kerjasama awam-swasta yang efektif.

"Sejarah menunjukkan klinik swasta turut membantu dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) kepada rakyat dan difahamkan, program kerjasama vaksinasi Kementerian Kesihatan dan klinik swasta ini diakui sangat efektif," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kesihatan: Komitmen kerajaan penting

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu memastikan komitmen penuh kerajaan terhadap semua sokongan yang diperlukan sama ada dari segi peruntukan dan kerjasama daripada kementerian berkaitan bagi menjayakan pelaksanaan reformasi Kertas Putih Kesihatan.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. R. Muruga berkata, proses pembaharuan ini boleh dimulakan dengan langkah penting seterusnya iaitu memastikan pembentukan jawatankuasa khas yang ditugaskan secara eksklusif.

Katanya, ia bagi merancang

dan menyelia pelaksanaan sistemik pembaharuan penjagaan kesihatan sepanjang tempoh 15 tahun yang disasarkan itu.

"Kami menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua ahli Parlimen kerana menyokong Kertas Putih Kesihatan dan memainkan peranan penting dalam mengetengahkan banyak isu yang menjejaskan penjagaan kesihatan negara.

"Kami bersetuju dengan pandangan yang dikongsi oleh beberapa ahli Parlimen bahawa pembaharuan penjagaan kesihatan hanya akan dapat dilakukan dengan kepimpinan yang kukuh.

"Oleh itu kami berharap Perdana Menteri sebagai seorang re-

formis dapat memastikan komitmen penuh kerajaan terhadap semua sokongan yang diperlukan sama ada dari segi peruntukan dalam bajet dan kerjasama daripada kementerian berkaitan bagi menjayakan pelaksanaan reformasi yang dirancang," katanya.

Mengulas lanjut, Muruga berkata, MMA juga mahu melihat peningkatan yang lebih ketara dalam belanjawan kesihatan tahunan kerana ia mencerminkan komitmen kerajaan terhadap pembaharuan penjagaan kesihatan.

Katanya, walaupun kerajaan berusaha meningkatkan belanjawan secara beransur-ansur

ke arah lima peratus, MMA berharap akan ada peningkatan yang lebih bermakna dalam bajet kesihatan yang dibentangkan untuk 2024.

"Seperti yang diakui Kementerian Kesihatan, penjagaan kesihatan selama bertahun-tahun kekurangan dana dan oleh itu kami berharap akan wujud komitmen yang lebih kukuh dalam membiayai kesihatan dengan visi yang jelas pada masa kini," katanya.

Beliau menambah, penglibatan antara kerajaan dan pihak berkepentingan juga perlu berterusan ke arah sistem penjagaan kesihatan yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

Usaha bentang RUU Kawalan Merokok tidak terhenti

PETALING JAYA: Usaha Kementerian Kesihatan untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 tidak akan terhenti biarpun dirujuk semula ke Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan (JKPK) buat kali kedua.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri Kesihatan, Lukmanis Awang Sauni berkata, akta yang dirujuk ke jawatankuasa itu sudah melalui proses aturan dicadangkan Parlimen dan ia bukan prosedur yang salah jika dirujuk semula untuk penambahbaikan.

Katanya, kementerian sudah berusaha membawa RUU itu ke Kabinet dan telah dipersetujui untuk pembentangan sebelum ini.

"Sudah tentu Kementerian Kesihatan melihat RUU itu sudah lengkap, cuma dari sesi libat urus Parlimen, ada beberapa bentuk perkara mereka minta diperhaluskan.

"Misalnya kompaun terlalu rendah RM500 berbanding RM5,000 yang dicadangkan, jadi ada saranan agar kompaun itu perlu dinaikkan lagi.

"Jadi kini terserah kepada jawatankuasa tersebut untuk memperhalusinya. RUU tidak terhenti, cuma prosesnya, jawatankuasa terlibat akan melihat secara bipartisan, semua parti kerajaan dan pembangkang akan duduk bincang dan akan menghantar semula untuk bacaan kali kedua di Parlimen," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, kebanyakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan kesihatan kecewa dengan keputusan kerajaan untuk merujuk semula RUU itu ke JKPK dan menyifatkan pembentagannya sekali lagi akan ditangguhkan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS / NATION

6 | NEWS / Nation

DRESS CODE

NURSES' UNION SLAMS MP OVER REMARK

Uniform allows ease of movement and is syariah-compliant, say union president and MMA head

FUAD NIZAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE nurses' union and medical associations have hit back against Kuantan member of parliament Wan Razali Wan Nor, who made a statement about nurses' uniforms not being syariah-compliant.

Malayan Nurses Union president Nor Hayati Abd Rashid said the uniform was designed to accommodate the nurses' movement while performing their duties.

"Our uniforms are designed for us to move with ease while working. We have to follow guidelines set by the ministry.

"The guidelines are that they can't be too tight, and the length of the top of the uniform must be below the buttocks.

"There should be no issue with it being too tight. Our work involves us squatting down and lifting patients. Why would we want to wear tight uniforms?"

She said the uniform had undergone many transformations compared with the olden days of nurses wearing skirts.

"Our uniforms have evolved from the skirts that we used to wear. Back then, there was a need to accommodate Muslim nurses, and we had discussed this with religious authorities.

"That's why nurses can wear their headscarves and the uniforms are syariah-compliant. I don't understand the issue of it not being syariah-compliant," Nor Hayati said when contacted by the *New Straits Times*.

Malaysian Medical Association president Dr Muruga Raj Rajathurai expressed dismay over Wan Razali's statement.

"It is sad that amid nationwide concern over the future and sustainability of our healthcare system, an MP is more concerned about the dress code of nurses."

He said nurses in the public



Malayan Nurses Union president Nor Hayati Abd Rashid (inset) says nurses' uniforms follow guidelines set by the Health Ministry. FILE PIC

sector adhered to the civil service dress code.

"We believe the Health Ministry's nurse uniforms are practical as they do not restrict movement when nurses carry out their duties.

"In healthcare, everyone needs to be fast on their feet and, at times, ready to sprint to save lives."

On Thursday, Wan Razali raised an issue regarding nurses' uniforms during the debate on the Health White Paper in the Dewan Rakyat.

He had described the uniform

as "showing their body shape" and not being syariah-compliant.

"I would like to ask if we will keep following the Western mould for nurses' uniforms.

"Can't it be changed and some relaxations on the dress code be given in relation to nurses?" he said.

Wan Razali said Universiti Sains Malaysia Hospital in Kubang Kerian, Kelantan, and Sultan Ahmad Shah Medical Centre in Kuantan, Pahang, provided options for nurses in terms of attire.

STAFF SHORTAGE RESOLVED

Two wards at Sultan Ismail Hospital reopen after 3-year closure

ISKANDAR PUTERI: After a three-year closure due to a shortage of medical staff, two wards at Sultan Ismail Hospital resumed operation on Wednesday.

State Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon said the reopening was made possible after the Health Ministry recently approved the appointment of 35 nurses to fill a medical staff shortage.

The nurses would be assigned to the hospital.

Ling said the wards, with a capacity of 54 beds each, were reduced to 34 beds each to allow the new nurses to familiarise them-

selves with the equipment before the hospital could operate at full capacity.

Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi, who visited the hospital yesterday, said the increased number of health personnel would improve operations and lighten the workload of existing staff.

On the progress of a new government hospital — Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA2) — which was supposed to commence construction next year on a plot of land in Kempas, Skudai, in Johor Baru, Ling said it would require further discussions.

"The 207.5ha site, which has been identified to build HSA2, belongs to the Defence Ministry.

"Discussions between the defence and health ministries are underway," said Ling, who is Yong Peng assemblyman.

Ling said the land acquisition

faced difficulties, and the issue had been brought to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's attention.

The need for HSA2 is to address the overcrowding at the two existing government hospitals — Sultan Ismail Hospital and Sul-

tanah Aminah Hospital.

HSA2 aims to alleviate the strain on Johor's healthcare infrastructure, which has been grappling with the issue due to the growing population and increasing demand for medical services.



Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi (third from left) giving the thumbs up at the reopening of the two Sultan Ismail Hospital wards in Johor Baru yesterday. With him are state Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon (fourth from left), state Health director Dr Mohtar Pungut @ Ahmad (left) and the hospital's director, Dr Zuraini Zainal (second from left). PIC BY IZZ LAIY HUSSEIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LETTERS

VAPING, E-CIGARETTES

Much at stake with delay in tobacco control bill

THERE should be no slack in the government's resolve to raise awareness among the young about the dangers of vaping and e-cigarette addiction.

Parents and educators should also be made aware of the dangers that the habit poses to the young.

E-cigarettes contain nicotine, which can alter brain development, particularly in adolescents, and lead to long-term addiction.

Although e-cigarettes do not produce tobacco smoke, they do emit aerosols containing harmful chemicals, including formaldehyde, acrolein and volatile organic compounds, leading to respiratory

issues and lung damage.

Exposure to nicotine can harm parts of the brain, affecting memory and cognition. This will affect adolescents' academic performance and adult life later on.

There are also counterfeit and poorly manufactured e-cigarette devices, and these can intensify the ill-effects on health.

The authorities must also be aware that healthcare costs will increase in later years.

So, on all counts, vaping and e-cigarettes result in a negative endgame.

So why the delay in debating and passing the Control of Smoking

Product for Public Health Bill 2023, which includes the generational endgame (GEG), that was first introduced almost a year ago?

It has been reported that the government had exempted nicotine as a controlled substance under the Poisons Act as a measure to tax vape liquids.

Doesn't the proposed GEG and this act contradict each other?

Won't the money derived from this tax be used to handle the health hazards associated with smoking and vaping?

Civil society has been vocal in calling to expedite the passage of GEG, and rightly so.

Referring the bill to the parliamentary select committee only further delays the passage of the proposed legislation for a good cause.

With the bill delayed, there are no safeguards to prevent the sale of cigarettes and vape products to minors.

TAN SRI LEE LAM THYE
Kuala Lumpur

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

MOH records 39 heat- related cases

KUALA LUMPUR: A total of 39 cases of heat-related illness were recorded in the past two months.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said 23 were for heat exhaustion, 11 were heat cramps and five were heat stroke.

Kelantan had 10 cases, followed by Sabah (nine), Sarawak (eight), Melaka (four), Terengganu (three), Kedah (two) and one each in Pahang, Kuala Lumpur and Perak.

She said the cases were recorded from April 16 to June 10.

A total of 25 involved adults, followed by teenagers (nine), children (three) and senior citizens (two).

"All the patients have been discharged," she said in a statement yesterday, Bernama reported.

Dr Zaliha said the country was facing the southwest monsoon and weak El Nino conditions until September, which have the potential to make the weather drier.

"The ministry advises the public to limit outdoor activities and reduce excessive physical activities," she added.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

'There are not enough doctors in Sarawak'

KUCHING: Sarawak is still short of over 3,000 doctors, a far cry from seeing an oversupply in the coming years, says Deputy Premier Datuk Seri Dr Sim Kui Hian.

Based on the state's estimates, he said Sarawak needed an additional 2,204 medical officers and 1,036 specialists.

He said the Health Ministry should post more doctors and specialists to the state to meet the need.

"In the last few years, many medical officers, including housemen, preferred postings which are not in Sarawak and Sabah.

"At this rate, Sarawak will not be oversupplied until well over 2030," Dr Sim said yesterday, in reference to the Health Ministry's projection of an oversupply of doctors from 2026 to 2030.

Meanwhile, former Minister in the Prime Minister's Department (Parliament and Law) Tan Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the study which projected the oversupply should be reviewed, taking into consideration the demand for healthcare services in Sarawak and Sabah.

"It is prudent for the Health Ministry to take into account the figures of doctor distribution in Sarawak.

"There is a significant difference in the doctor-patient ratio between rural and urban areas," he said when contacted.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Under fire over nurses' attire

PAS MP's 'uniforms too tight' comment draws flak from groups



PETALING JAYA: PAS' Kuantan MP Wan Razali Wan Nor (*pic*) has been denounced for his remark on nurses' attire being too tight and not syariah-compliant.

"The uniforms worn by nurses are designed to be functional, to make it easier for them to carry out their duties, they are not too tight and adhere to the guidelines set by the Health Ministry," said Malayan Nurses Union president Nor Hayati Abd Rashid.

She said the rules were clear, the uniforms could not be too tight and the length of the top must be below the waist and above the knee, which is the standard set by the Health Ministry.

"It is a major change compared to the 1980s when nurses used to wear skirts, but the dress code was changed to pants to be more syariah-compliant," she said.

While debating the White Paper on public health reforms in the Dewan Rakyat on Thursday, Wan Razali had said the government should consider changing the uni-



Perfectly acceptable: Medical groups say the nurses' uniforms are practical as they do not restrict the performing of their duties.

forms for nurses as they were immodest.

He also said that women's body shapes were visible with the current uniforms.

"Are we still following the Western dress code? Can it be changed to allow some 'relaxation' of the nurses' uniforms?" he asked at Parliament.

Malaysian Medical Association president Dr Muruga Rajathurai said current Health Ministry nurse uniforms were practical as they did not restrict the movement of nurses when they were carrying out their duties.

He said it was sad that amid

nationwide attention on the future and sustainability of the healthcare system, an MP was more concerned about the dress code of nurses.

"All nurses in the public sector adhere to the civil servant dress code. We believe the current ministry nurse uniforms are practical as they do not seem to restrict movement when nurses carry out their duties.

"In healthcare, everyone needs to be fast on their feet and at times ready to sprint to save lives," he added.

Former deputy health minister Dr Lee Boon Chye also said the

present nurses' uniforms were comfortable, functional and decent, catering well to each institution and individual preferences.

"When we expect MPs to focus on debating important healthcare reforms in the Health White Paper, the PAS MP instead focused on the cut of the uniforms," he added.

FOR MORE STORIES See page 14

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : VIEWS

ORAL health is often viewed separately from general health, but the reality is that they are closely connected. Neglecting oral health can have significant consequences for overall well-being, leading to a decline in general health and increased frailty.

Numerous studies have highlighted the strong association between oral health and general health. Poor oral health has been linked to a range of systemic conditions, including cardiovascular disease, diabetes, respiratory infections, and even cognitive decline. The mouth serves as a gateway to the body, and neglecting its care can result in the spread of bacteria and inflammation, which can have far-reaching effects.

One of the primary contributors to poor oral health is periodontal disease, commonly known as gum disease. This chronic inflammatory condition affects the tissues surrounding the teeth, leading to gum recession, tooth loss, and bone damage. Moreover, the bacteria associated with periodontal disease can enter the bloodstream, triggering systemic inflammation and potentially exacerbating existing health issues.

Your teeth and your health



Photo: AP

The consequences of failing oral health extend beyond physical ailments. The impact on an individual's overall well-being and quality of life is also significant.

Oral pain, tooth loss, and difficulty chewing can lead to poor nutrition as individuals may avoid certain foods, particularly fruits and vegetables, due to discomfort or difficulty in eating. This can result in a lack of essential nutrients, compromised

immune function, and a higher susceptibility to diseases.

Additionally, poor oral health can negatively affect an individual's self-esteem and mental health. Dental problems, such as missing teeth or visible decay, can cause embarrassment and self-consciousness, leading to social withdrawal and decreased confidence. The psychological impact of these issues should not be underestimated, as they can contribute to feelings of isolation,

depression, and a diminished overall quality of life. To break the cycle of failing oral health and frail general health, it is crucial to prioritise oral hygiene and regular dental care. Here are some key steps to take:

> Brush and floss regularly:

Brush your teeth at least twice a day with fluoride toothpaste and floss daily to remove plaque and food particles that can lead to dental issues.

> Visit your dentist regularly:

Schedule regular dental check-ups to detect any oral health problems early and receive appropriate treatment.

> **Eat a balanced diet:** A healthy diet rich in fruits, vegetables, whole grains, and lean proteins provides the necessary nutrients for strong teeth and gums.

> **Limit sugary foods and drinks:** Sugary foods and beverages can contribute to tooth decay, so it's important to consume them in moderation and practise good oral hygiene afterwards.

> **Avoid tobacco and excessive alcohol consumption:** Smoking and excessive alcohol intake have detrimental effects on oral health and increase the risk of developing gum disease and oral cancer.

> **Practise good oral habits at any age:** Oral health is important at every stage of life. Teach children good oral hygiene practices from an early age and ensure older adults receive proper dental care, especially if they face mobility or access challenges.

By recognising the crucial link between oral health and general health, we can prioritise preventive dental care and break the cycle of deteriorating oral health and frail general health.

Investing time and effort in maintaining good oral hygiene will not only benefit your smile but also contribute to your overall well-being and longevity.

DR JESSICA FRANCIS
Faculty of Dentistry
Universiti Malaya

Changes to health system must be just, compassionate

THE much awaited Healthcare White Paper was finally tabled in Parliament on Thursday and included, among many suggestions, the idea of allowing "the Health Ministry to become a strategic purchaser and function autonomously" ("Healthcare reforms only possible with proper funding, says Dzulkifly", *The Star*, June 15; online at bit.ly/star_healthpaper).

This implies empowering a government entity with immense collective purchasing power for healthcare services – and the influence that comes with that – with considerable independence in deciding the type, magnitude, and quality of services to be acquired to cater for demand as determined by the government of the day.

It also implies some form of

decentralisation and increasing autonomy of public healthcare services at the state level – obviously, the advantages of the purchaser and provider relationship are best realised if the distinctly different roles are not taken up by the same organisation.

Malaysians are very lucky to be citizens of a nation where accessibility to healthcare is not directly related to one's ability to pay, particularly in the event of acute illness – though this is increasingly under threat with the public healthcare system yet to recover from the pressure and strain of ever increasing demand, especially since the Covid-19 pandemic ("Health White Paper: Investments into public healthcare to be increased to 5% of GDP in stages, says Dr Zaliha", *The Star*,

June 15; online at bit.ly/star_healthgdp).

This unrivalled access is made possible by an artificially low service price determined by the controlled wage levels of the government healthcare workforce and heavy support provided by direct government funding and other financing mechanisms.

The reform is likely to include a reduction of this direct government support and pivot towards a mixture of a national insurance scheme, private health insurance, and pooled funding, complemented by health benefit packages for at-risk groups.

While it is good to focus on prevention and primary care, it is a fallacy to expect that hospital admissions will decline anytime soon or even in the future.

Investment in hospital infrastructure, which takes up about a third of healthcare spending, needs to continue and must keep up with growing demand.

The road to actualisation is going to be a long one, with likely many detours, failed starts, and small successes. It is imperative that the changes to come are made justly, with care and compassion in mind. The eventual model of the new public healthcare system must ensure equity and inclusiveness, and must be easily accessible by all who need it without prejudice.

PROF DATUK DR HANAFIAH
HARUNARASHID
Pro vice-chancellor
(KL Campus)
Universiti Kebangsaan
Malaysia